



Amanah Hartanah Bumiputera (“AHB”)

APAKAH Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”)?

Dana ini ialah dana unit amanah patuh Syariah yang melabur terutamanya dalam pemgunaan benefisial harta tanah komersial di lokasi utama di Malaysia dengan tujuan untuk memberikan aliran pendapatan yang tetap dan konsisten kepada pelabur Bumiputera sambil mengekalkan modal pelaburan pelabur.

Dana ini tersedia untuk dilanggan oleh pelabur Bumiputera di semua pengedar yang sah di Malaysia.

KENAPA anda perlu mempertimbangkan Amanah Hartanah Bumiputera ?

1

Mendapat Akses untuk Melabur dalam Hartanah Komersial Utama

Tahap penyertaan pelaburan serendah RM100 untuk menikmati manfaat memiliki harta tanah komersial utama.

2

Agihan Stabil & Tetap

Pulangan stabil

Dana ini bertujuan untuk membayar pulangan mengatasi Simpanan Tetap Islamik-i 12-bulan di Maybank Islamic Berhad. Untuk perincian, layari www.maybank2u.com.my

Pulangan tetap

Pembayaran setiap setengah tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus, jika ada.

Patuh Syariah

Dana ini telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh panel penasihat Syariah yang dilantik untuk Dana. Semua agihan juga adalah selepas pembayaran Zakat.

3

Mampu milik & Mudah didapati

- Tidak ada fi penyertaan atau penarikan
- Harga ditetapkan pada RM1.00 setiap Unit tanpa caj penebusan
- Pelaburan boleh dibuat secara tunai atau Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tertakluk kepada syarat dan termasuk KWSP
- Kemudahan pelaburan melalui rangkaian pengedar di seluruh negara

4

Anugerah Dana

Dana telah dianugerahi ‘Best Islamic Product’ dua tahun berturut-turut di bawah ‘Best of the Best Awards 2015 & 2016’ oleh Asia Asset Management, sebuah penerbitan di Asia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Nota: Senarai penuh pemenang boleh didapati di www.asiaasset.com/winners-list.aspx

SEJARAH AGIHAN PENDAPATAN DANA

Lepas-Tarikh	Agihan Tunai (RM)*	Lepas-Tarikh	Agihan Tunai (RM)*
31 Mac 2011	2.17 sen/Unit	31 Mac 2015	3.30 sen/Unit
30 September 2011	3.25 sen/Unit	30 September 2015	3.30 sen/Unit
31 Mac 2012	3.25 sen/Unit	31 Mac 2016	3.30 sen/Unit
30 September 2012	3.25 sen/Unit	30 September 2016	3.20 sen/Unit
31 Mac 2013	3.25 sen/Unit	31 Mac 2017	3.10 sen/Unit
30 September 2013	3.25 sen/Unit	30 September 2017	3.10 sen/Unit
30 September 2013**	1.00 sen/Unit	31 Mac 2018	3.10 sen/Unit
31 Mac 2014	3.30 sen/Unit	30 September 2018	2.90 sen/Unit
30 September 2014	3.30 sen/Unit	30 September 2018**	0.20 sen/Unit

Jadual 1: Agihan Pendapatan untuk 2011 hingga 2018 *Dana ialah dana yang dikecualikan cukai **Bonus Sumber: Maybank Asset Management Sdn Bhd & Pelaburan Hartanah Berhad

MAKLUMAT UTAMA DANA

Tarikh Pelancaran	20 Oktober 2010						
Penaja	Pelaburan Hartanah Berhad						
Harga	RM 1.00 setiap Unit						
Kategori / Jenis	Aset-aset yang disokong harta tanah/Pendapatan						
Profil Pelabur	<p>Dana ini boleh dianggap menarik bagi pelabur-pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ mempunyai pandangan pelaburan jangka panjang; ➤ mencari pemeliharaan modal; ➤ mencari pendapatan tetap; dan ➤ mempunyai tahap toleransi risiko yang rendah. 						
Matlamat Pelaburan	Dana ini berusaha untuk membekalkan Pemegang Unit dengan aliran pendapatan yang tetap dan konsisten sambil mempertahankan modal pelaburan Pemegang Unit.						
Strategi Pelaburan	<p>Dana ini berusaha untuk mencapai matlamat pelaburannya menerusi pelaburan yang terutamanya dalam pemilikan benefisial harta tanah di Malaysia yang patuh Shariah yang diperoleh daripada Penaja atau Anggota Gabungannya terutama sekali harta-harta komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan-bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat-pusat komersil, logistik dan kompleks-kompleks perindustrian.</p> <p>Dana ini juga akan melabur dalam wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain yang patuh Syariah.</p>						
Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pelaburan</th> <th>Had-had</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia yang patuh Syariah</td> <td>34% hingga 100% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia</td> </tr> <tr> <td>Wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain yang patuh Syariah</td> <td>0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain</td> </tr> </tbody> </table>	Pelaburan	Had-had	Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia yang patuh Syariah	34% hingga 100% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia	Wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain yang patuh Syariah	0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain
Pelaburan	Had-had						
Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia yang patuh Syariah	34% hingga 100% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia						
Wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain yang patuh Syariah	0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai dan apa-apa instrumen pasaran wang lain						
Dasar Agihan	Agihan boleh dibuat daripada pendapatan Dana, mengikut pilihan Pengurus setelah berunding dengan Penaja, setiap setengah tahun atau pada masa lain yang tertentu seperti yang Pengurus boleh tentukan mengikut budi bicara penuhnya, tertakluk kepada kelulusan daripada Pemegang Amanah.						
Pelaburan Permulaan Minimum	Pelaburan permulaan minimum ialah 100 Unit untuk individu. Walau bagaimanapun, pelaburan permulaan minimum untuk individu di bawah skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah 1,000 Unit.						
Pelaburan Tambahan Minimum	Unit pelaburan tambahan minimum ialah 50 Unit untuk individu. Walau bagaimanapun, pelaburan tambahan minimum untuk individu di bawah skim Pelaburan Ahli KWSP ialah 1,000 Unit.						
Had Pelaburan Maksimum	500,000 Unit untuk setiap individu untuk kedua-dua jumlah keseluruhan pelaburan tunai dan skim pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).						

MAKLUMAT UTAMA DANA

Keperluan Baki Minimum	Baki minimum yang perlu dikekalkan oleh individu ialah 100 Unit. Walau bagaimanapun, keperluan baki minimum untuk individu di bawah skim Pelaburan Ahli KWSP ialah 1,000 Unit.	
Pembelian Balik/ Penjualan Unit Minimum	Sekiranya permintaan untuk pembelian balik akan menyebabkan individu memegang kurang daripada 100 Unit (atau kurang daripada 1,000 Unit jika pelaburan dibuat di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP), Pengurus berhak untuk membeli kesemua baki Unit dan menutup akaun individu tersebut.	
Tanda Aras Prestasi	Simpanan Tetap Islamik-i 12-bulan di Maybank Islamic Berhad. Untuk perincian, layari www.maybank2u.com.my	
Caj Jualan dan Pembelian Semula	Buat masa ini, Pengurus tidak mengenakan sebarang caj jualan atau caj pembelian semula apabila anda membeli atau menjual Unit Dana ini.	
Fi Tahunan Pengurusan	Sehingga jumlah maksimum 1.00% setahun daripada VOF, dikira dan diakru harian, sebagaimana dipersetujui antara Pemegang Amanah dan Pengurus.	
Fi Tahunan Pemegang Amanah	Sehingga 0.08% setahun daripada VOF, tertakluk pada jumlah minimum sebanyak RM18,000 setahun.	
Fi Tukar Alih	Tidak terpakai. Tukar alih tidak dibenarkan.	
Hak Masa Bertenang	Hak masa bertenang tidak diguna pakai bagi Dana kerana harga Unit ditetapkan pada RM1.00.	
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	Semua fi, caj dan perbelanjaan yang dinyatakan di sini adalah tidak termasuk GST*. Pemegang Unit dan/atau Dana, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah bertanggungjawab untuk membayar jumlah GST yang dikenakan sebagai tambahan kepada fi, caj dan perbelanjaan yang dinyatakan di sini.	
	*Nota: Bermula 1 Jun 2018, langkah pengenaan GST adalah pada kadar 0%.	
VOF	Nilai Dana pada kos, ditentukan dengan menolak nilai liabiliti Dana daripada nilai semua aset Dana.	
Penaja:	Pelaburan Hartanah Berhad (732816-U)	Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pasukan Khidmat Pelanggan kami di +603 2297 7888 atau layari www.maybank-am.com.my
Pengurus:	Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (421779-M)	
Pengedar:	Malayan Banking Berhad (3813-K)	
	AmBank (M) Berhad (8515-D)	
	AmBank Islamic Berhad (295576-U)	
Pemegang Amanah:	AmanahRaya Trustees Berhad (766894-T)	 <i>*Tertakluk kepada terma dan syarat KWSP</i>

Penafian:

Pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami Prospektus sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bertarikh 16 Oktober 2016 berserta dengan Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 9 Mac 2017 dan Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 15 September 2017 ("Prospektus Tambahan"). Prospektus dan Prospektus Tambahan ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus dan Prospektus Tambahan boleh diperoleh daripada pejabat kami, pejabat jualan pengedar kami atau mana-mana cawangan pengedar Maybank. Unit hanya akan diterbitkan setelah borang permohonan yang disebut dalam dan mengiringi Prospektus diterima. Pelabur dinasihatkan supaya membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum melabur. Antara lain, pelabur perlu mengambil kira fi dan caj yang terlibat. Harga Unit dan agihan yang dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik.